

15/03/1998

Myanmar mula menukar wajah

A Nazri Abdullah

SEPULUH tahun lalu, 25 Februari 1988, ramai yang mengiringi lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Burma, berpendapat itulah lawatan mereka yang pertama dan terakhir. Setiba di lapangan terbang Rangoon yang kelihatan seperti kilang kicap dengan segala-galanya tidak teratur, kita sudah dapat merasai betapa dasar pengasingan kerajaan sosialis Burma menyebabkan negara itu jauh ketinggalan. Jalan raya ke bandar Rangoon yang sempit dan berlubang dengan kereta model 1930-an mundur mandir sekali sekala, sukar untuk dibandingkan dengan mana-mana bandar yang pernah Dr Mahathir lawati sebelum itu. Ketika itu cuma ada dua hotel yang tidak berbintang. Hotel Inya Lake, tempat penginapan ahli perniagaan dan wartawan Malaysia umpama sebuah gudang yang serba kekurangan.

Kini segala-galanya sudah berubah. Bukan saja nama Burma ditukar kepada Myanmar dan Rangoon kepada Yangon, lapangan terbangnya juga sudah berwajah baru, jalan raya semakin lebar dan kemas, dan yang paling menonjol kemunculan hotel baru termasuk hotel lima bintang mula mengubah wajah muram Yangon. Jalan rayanya tidak lagi lengang seperti dulu kerana sudah dipenuhi kereta buatan Jepun dan Eropah. Jelas sekali perubahan daripada dasar ekonomi sosialis kepada ekonomi berasaskan pasaran sudah menampakkan kesannya. Cuma yang masih lengang ialah Universiti Yangon yang ditutup sejak dua tahun lalu ekoran tunjuk perasaan pelajar.

Walaupun Myanmar kini diperintah oleh tentera dan seringkali dituduh mengamalkan penindasan, sedikit sebanyak kita terpaksa mengakui bahawa kerajaan pimpinan Jeneral Than Shwe bertekad membawa perubahan kepada Myanmar dan rakyatnya. Beliau yang kerap berhubung dengan pemimpin-pemimpin Asean sedar betapa sistem sosialis akan meninggalkan negaranya jauh ke belakang dan lebih penting daripada itu, kemunduran dan kemiskinan akan terus mendesak pelajar dan rakyatnya memberontak.

Kerana kemiskinan dan kemunduran jugalah maka pemberontakan dan gerakan pemisah suku kaum masih berterusan hingga hari ini. Tentulah sukar untuk menyatukan suku kaum Shan, Karen, Mon dengan etnik terbesar - Burmese yang memerintah jika kerajaan tidak menunjukkan kesungguhannya untuk memajukan Myanmar. Inilah antara salah satu sebab mengapa Konvensyen Kebangsaan yang bertanggungjawab menggubal perlembagaan baru Myanmar untuk merealisasikan Kesatuan Myanmar melalui perkongsian kuasa semua suku kaum, tidak berhasil hingga sekarang.

Sepanjang dua hari lawatan Dr Mahathir, akhbar dan televisyen Myanmar hampir tidak ada berita lain yang hendak disiarkan. Bandar Yangon dipenuhi dengan bendera Malaysia dan pintu gerbang mengucapkan selamat datang. Pada hari ketibaan pelajar sekolah turut menyambut kedatangan Perdana Menteri di sepanjang jalan raya dari lapangan terbang hingga ke bandar Yangon. Sambutan untuk Dr Mahathir yang luar biasa meriahnya itu adalah sebagai membalas budi pendirian dan sokongan kuat Dr Mahathir untuk Myanmar menyertai Asean. Walaupun penyertaan Myanmar ditentang oleh Barat, Dr Mahathir berpendapat pendekatan yang membina adalah lebih berfaedah daripada membiarkan Myanmar terus terasing. Dengan menyertai Asean pemimpin Myanmar akan terdedah kepada sistem ekonomi pasaran. Kalau negara Barat boleh bersikap memilih dan menyokong negara yang terang-terang mengamalkan dasar penindasan kaum, maka tidak ada sebab mengapa Asean tidak boleh menerima Myanmar.

Sebelum diisytiharkan sebagai negara miskin oleh Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu pada 1987, Myanmar pernah mendapat jolokan sebagai negara yang terkaya di Asia Tenggara. Selain tanahnya yang subur dan hasil laut dan hutan yang banyak, Myanmar juga kaya dengan sumber galian seperti minyak, gas, emas dan batu permata. Myanmar tidak terkecuali daripada kegawatan ekonomi yang melanda Asia. Mata wang Kyat turut menjunam dari 125 kyat bagi satu dolar dua tahun lalu kepada 270 kyat. Penghijrahan keluar rakyatnya ke Thailand dan juga Malaysia menunjukkan negara itu memerlukan banyak pelaburan untuk menyediakan peluang pekerjaan.

Walaupun pelaburan sukar diteruskan ketika kegawatan ekonomi, usahawan Malaysia tidak seharusnya mengetepikan Myanmar kerana negara itu boleh menjadi rakan dagang yang bermanfaat. Negara itu sudah lama menjalankan perniagaan tukar barang dengan China dan Thailand dan kaedah yang sama boleh digunakan oleh usahawan Malaysia. Myanmar memerlukan banyak bahan untuk binaan, baja dan peralatan pertanian yang boleh ditukar dengan keluarannya seperti sayur, ikan, bawang, cili, ubi kentang dan sebagainya. Cuma yang menjadi sedikit masalah ialah perkhidmatan kargo yang agak mahal. Walaupun Yangon lebih dekat dengan Pelabuhan Klang tetapi bayaran untuk sebuah kontena ialah AS\$2,800 berbanding AS\$1,800 kalau dihantar ke Singapura. Bagaimanapun hal ini dapat diatasi jika usahawan Malaysia berkongsi mengeksport dan mengimport.

(END)